

# HARGAI JASA PAHLAWAN, SEMARAK PATRIOTISME

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَصْبِرُوا وَصَابِرُوا وَرَابِطُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٢٠٠﴾

(Surah Ali-Imraan, ayat: 200)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَنْشَهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ  
اهْتَدَى بِهَدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

HADIRIN MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

إِنَّ لِلْمُتَّقِينَ مَفَازًا ﴿٦٦﴾ حَدَائِقَ وَأَعْنَابًا ﴿٦٧﴾ وَكَوَاعِبَ أَتْرَابًا ﴿٦٨﴾ وَكَأْسًا دِهَاقًا ﴿٦٩﴾ لَا  
يَسْمَعُونَ فِيهَا لَغْوًا وَلَا كِذَّابًا ﴿٧٥﴾

Maksudnya: "Sesungguhnya orang yang bertaqwa, disediakan syurga tempat mereka beroleh apa yang mereka ingini. (Mereka akan beroleh) taman-taman bunga dan kebun-kebun buah-buahan, terutama anggur. Dan perawan-perawan yang sebaya umurnya. Serta piala atau gelas yang penuh dengan minuman. Mereka tidak mendengar di dalam syurga itu perkataan yang sia-sia dan tiada pula perkataan yang dusta. Sebagai balasan dari Tuhanmu, iaitu satu limpah kurnia yang dikira cukup (menurut yang dijanjikan-Nya)". (S. An-Naba': 31-35).

Sehubungan dengan firman Allah SWT tersebut, maka marilah kita meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT, dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mencapai darjat takwa dan termasuk golongan yang beroleh balasan syurga Allah SWT di akhirat nanti.

JEMAAH JUMAAT YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT,

Tidak akan tertegak Negara yang berdaulat, aman dan selamat jika tiada pihak yang rela serta bersedia berkorban jiwa dan raga untuk berjuang dan mempertahankannya daripada gugatan musuh dan petualang bangsa.

Demikian juga, rakyat tidak akan merasa aman dan tenteram menjalankan pelbagai aktiviti kehidupan jika tiada pihak yang bersemangat waja mencurahkan bakti menjaga keselamatan Negara. Malahan, pembangunan serta kemajuan tidak mungkin diraih jika Negara berada dalam keadaan kucar-kacir dan huru-hara.

Sehubungan dengan kenyataan itu, marilah kita sedari dan insafi bersama bahawa sesungguhnya segala nikmat yang dikecapi oleh Negara kita hari ini bukanlah datang secara menggolek tanpa sebarang usaha jerih payah para warganya yang bergabung dengan kesungguhan pemimpinnya. Fakta ini mungkin disedari oleh sesetengah orang, tetapi berkemungkinan juga ada yang baru mengetahuinya. Dan tidak menghairankan jika terdapat juga sesetengahnya yang langsung tiada rasa kepedulian terhadap apa yang berlaku di sekeliling mereka lantaran tiada perasaan serta semangat cintakan Negara bangsa sendiri.

Keadaan ini mungkin disebabkan ramai di kalangan generasi hari ini dilahirkan semasa negara ini sudah bebas daripada belunggu penjajahan dan kesengsaraan hidup. Mereka tidak dapat merasakan betapa pahit getirnya mengharungi zaman-zaman gelap, sukar dan duka tersebut. Mereka hanya sekadar mengetahui kesusahan hidup rakyat melalui pembacaan buku-buku sejarah atau mendengar cerita-ceritanya sahaja dari ibu bapa mereka atau orang-orang yang lebih tua.

Lantaran itu, apabila negara menyambut Hari Pahlawan setiap tahun pada tanggal 31 Julai, ramai terutamanya generasi muda yang tidak ambil kisah, membiarkan ia berlalu tanpa sebarang perasaan, dan tidak kurang juga yang tidak mengetahui bahawa tarikh itu merupakan Hari Pahlawan. Padahal, hari berkenaan adalah lebih besar pengertiannya daripada memperingati Hari Valentine atau hari kekasih.

#### **KAUM MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,**

Ketahuiilah bahawa Hari Pahlawan disambut sebagai mengenang jasa dan bakti para anggota pasukan keselamatan yang gugur semasa menabur bakti membela agama, bangsa dan negara. Mereka rela berkorban jiwa dan raga berjuang mempertahankan kedaulatan negara tercinta demi kesejahteraan rakyat. Pengorbanan yang dilakukan mereka adalah mulia dan yang tertinggi dalam hidup seorang manusia di mana tidak semua orang boleh melaksanakannya tanpa adanya keberanian, rasa tanggungjawab dan semangat cintakan negara yang menggunung.

Hakikatnya, keamanan, kestabilan dan kesejahteraan yang negeri dan negara kita nikmati pada hari ini tidak akan dapat kita kecapai tanpa pengorbanan yang dilakukan oleh pasukan keselamatan samada anggota tentera mahupun anggota polis. Tanpa pengorbanan mereka ini, sudah pasti kita tidak dapat menghirup udara aman, bergerak bebas dan menikmati pelbagai kemajuan hasil daripada pengorbanan pahlawan-pahlawan negara ini. Mereka telah menabur jasa dan bakti yang bukan sedikit kerana mereka sanggup menggadaikan nyawa, meninggalkan keluarga tersayang dan segala-galanya demi keamanan negara dan keselamatan rakyat seluruhnya.

Ini bermakna, sambutan Hari Pahlawan antara lain mengajak generasi kini dan akan datang supaya sentiasa mensyukuri segala nikmat yang kita rasai pada hari ini dengan memastikan keamanan, keharmonian dan perpaduan rakyat terus terpelihara. Dengan mensyukurinya, kita bukan sahaja dapat mengekalkan kewanteran, keharmonian dan perpaduan yang wujud, malahan memungkinan kita mengecapi lebih banyak nikmat lagi. Ini sebagaimana janji Allah SWT dalam firman-Nya:

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ<sup>ط</sup> وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ ﴿٧﴾

Yang bermaksud: *“Dan (ingatlah) tatkala Tuhan kamu memberi tahu: Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmat-Ku kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azab-Ku amatlah keras.”* (S. Ibrahim: 7).

Dalam pada itu, sambutan Hari Pahlawan yang membawa kita mengenang dan menghargai jasa para perajurit sama ada yang telah terkorban mahupun yang tercedera semasa berjuang di medan juang juga diharap berupaya menyuntik nilai patriotisme serta cintakan tanah air terutama kepada generasi muda khususnya dalam soal mempertahankan kedaulatan negara daripada dicabuli oleh anasir-anasir jahat. Ia penting mengingat bahawa cintakan Negara sebahagian daripada iman sebagaimana terungkap pada kalimat “Hubbul Watan, Minal Iman”.

### **SAUDARA JEMAAH YANG BERBAHAGIA,**

Pujangga ada berkata: kekuatan tidak datang dari kemampuan fizikal, tetapi ianya datang dari semangat yang tidak pernah mengalah. Bertitik tolak dari untaian kata ini, adalah penting bagi seluruh warga khususnya para generasi muda memiliki semangat patriotisme atau cintakan tanah air yang tinggi dan tulus. Kekuatan semangat dan ikhtiar menjadi tenaga penggerak untuk mengukir kemenangan dan kejayaan sejajar firman Allah SWT:

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهَبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ  
وَأَٰخَرِينَ مِنْ دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ اللَّهُ يَعْلَمُهُمْ ۗ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يُوَفَّ  
إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تُظْلَمُونَ ﴿٦٠﴾

Yang bermaksud: “Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya. Dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu, dan kamu tidak akan dianiaya.” (S. Al-Anfal: 60).

Ayat ini menganjurkan umat Islam yang menjadi warga sesebuah Negara supaya tidak sesekali putus asa dalam menangani sebarang bentuk ancaman musuh kerana manusia yang tidak berharap untuk menang telah sedia kalah sebelum berjuang. Sebab itu, umat Islam hendaklah terus bersemangat tinggi untuk berjuang menentang musuh yang menceroboh dan menggugat ketenteraman masyarakat dengan menyediakan kelengkapan yang bersesuaian dengan diringi sifat tawakal serta ketakwaan kepada Allah SWT. Sesungguhnya, semangat, ikhtiar, tawakal dan ketaqwaan kepada Allah SWT menjadi modal utama meraih keberhasilan dalam perjuangan membela agama, bangsa dan Negara.

Dan, kekuatan ini perlu sentiasa dipupuk dan diperkukuhkan memandangkan ancaman anasir-anasir jahat sama ada dari dalam mahupun dari luar sentiasa mengintai ruang serta peluang merosakkan akidah dan perpaduan ummah. Lebih-lebih lagi di era penularan fahaman konsep jihad yang mengelirukan hari ini secara langsung mengimbau setiap lapisan masyarakat Islam supaya berpegang teguh dengan agama Allah SWT selain memiliki semangat seperti pahlawan dan wira negara yang menentang para penjenayah dan penceroboh Negara.

### **MUSLIMIN YANG DIKASIHI ALLAH SWT,**

Kalau kita tidak mampu untuk menggembirakan orang lain, janganlah pula menambah dukanya. Oleh itu, bersempena sambutan Hari Pahlawan tahun ini yang akan disambut pada 31 Julai ini, marilah kita bersatu dan bersama-sama memberi penghargaan yang sewajarnya dalam apa jua bentuk sama ada bantuan atau sokongan, kepada pahlawan-pahlawan negara yang masih ada, atau pun kepada balu-balu, keluarga serta waris-waris yang ditinggalkan mereka.

Anggota masyarakat yang berada dan berkemampuan harus menunjukkan keupayaan yang lebih positif dengan memberi sumbangan ikhlas terhadap kempen Tabung Rayuan Hari Pahlawan.

Sesungguhnya, tiada semalam, maka tiadalah hari ini. Justeru, perjuangan anggota-anggota keselamatan yang menjadikan hari ini aman dan selamat untuk semua, harus dikenang sepanjang masa. Walaupun bekas perajurit dan pahlawan tanah air itu tidak meminta pengorbanan mereka diiktiraf atau dibalas dengan wang ringgit, namun sebagai rakyat seharusnya mempunyai keinsafan dan memainkan peranan untuk membalas budi kepada yang berjasa.

Pada masa sama, marilah kita semua meningkatkan lagi semangat patriotisme iaitu semangat sanggup berkorban demi Negara dengan menghayati semangat dan perjuangan yang ditunjukkan oleh para pahlawan tanah air. Ia perlu dipupuk dan disemarakkan sepanjang masa sebagai upaya memelihara dan mempertahankan kedaulatan, keamanan, keselamatan dan kemajuan negara.

Kesimpulannya, sungguh benar bahawa kita tidak tahu apa yang kita miliki sampai kita kehilangannya, tetapi sungguh benar pula bahawa kita tidak tahu apa yang belum pernah kita miliki sampai kita mendapatkannya. Kerana itu, jangan Tanya apa yang boleh negara lakukan untuk kamu, tetapi tanyalah apa yang boleh kamu lakukan untuk negara. Dan, sumbangan paling bermakna dan mudah yang boleh dilakukan setiap warga terhadap negaranya adalah berdoa ke hadrat Allah SWT memohon semoga negara kita sentiasa aman serta dicucuri limpah kurnia serta rahmat-Nya yang berkekalan.

Firman Allah SWT:

وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ

دَاخِرِينَ ﴿٦٠﴾

Maksudnya: “Dan Tuhan kamu berfirman: Berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang yang sombong takbur daripada beribadat dan berdoa kepada-Ku akan masuk neraka jahanam dalam keadaan hina.” (S. Al-Mukmin: 60).

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ  
لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Disediakan dan diedar oleh:  
Bahagian Penyelidikan dan Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**NOTA:** Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadith Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.